

# Karnival dedah amalan gaya hidup sihat



Persembahan seni silat oleh pelajar sekolah.

**Cheras:** Kira-kira 1,000 penduduk Pangsapuri Sri Penara, di sini, mendapat khidmat pemeriksaan kesihatan secara percuma menerusi penganjuran Karnival Jom Sihat oleh pelajar perubatan Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, baru-baru ini.

Program itu dijayakan oleh 102 pelajar Perubatan Tahun Pertama di bawah pengelolaan Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM dengan kerjasama Cancer Resource and Education Centre (CARE) serta Kawasan Rukun Tetangga Pangsapuri Sri Penara, bertujuan untuk memberi kesedaran

mengenai bahaya kanser dan kepentingan penjagaan kesihatan.

Pengarah Program, Muhammad Syafiq Jamil, berkata ada dalam kalangan masyarakat yang tidak menyedari kepentingan melakukan pemeriksaan kesihatan dan amalan gaya hidup sihat, sedangkan perkara itu usaha terbaik bagi mengesan dan mencegah sebarang penyakit lebih awal.

“Saya melihat karnival ini sebagai satu platform terbaik untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai isu kanser yang semakin meruncing, di samping mem-



Peserta **ceria menyertai aktiviti sukaneka.**



Sebahagian daripada pelajar UPM yang menjayakan **Karnival Jom Sihat.**

bantu masyarakat mencegahnya melalui kempen amalan gaya hidup sihat.

### Aktiviti menarik

“Fokus utama pemeriksaan kesihatan dan kanser ini membabitkan kanser yang sering dihadapi oleh rakyat Malaysia,

iaitu kanser pangkal rahim dan kanser payu dara,” katanya.

Program tiga hari dua malam itu dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran kesihatan, pemeriksaan kanser, pemeriksaan kesihatan, derma darah, Klinik Kejelitaan, Ihya Ramadan, futsal

dan sukaneka.

Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM, Prof Madya Dr Abdul Rasid Jamian, berbangga dengan pembabitan pelajar dalam penganjuran program sedemikian, sekaligus membuktikan pembelajaran di bilik kuliah berjaya diaplikasikan kepada masyarakat dengan pemantauan pakar.

“Pembabitan pelajar secara langsung kepada komuniti memberi impak yang baik kepada UPM selaras dengan moto universiti iaitu ‘Berilmu Berbakti’.

“UPM akan terus menggalakkan pelajar menganjurkan program yang memberi manfaat kepada masyarakat dalam usaha menyokong lantikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) Pendidikan Tinggi,” katanya.